Umno Melaka calonkan Dr M, Pak Lah

BH - 2 MAR 2000

MELAKA: Rabu-Semua lima bahagian Umno di Melaka akan mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi Timbalan Presiden.

Bahaginn bcrkenaan akan mengadakan mcsyuarat perwakilan masing-masing antara 5 dan 19 Mac ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata pencalonan Dr Mahathir serta Abdullah bagi jawatan berkenaan sudah diputuskan pada mesyuarat Umno negeri lalu.

Katanya, pencalonan kedua-dua pemimpin itu juga dipersetujui pada mesyuarat jawatankuasa bahagian di negeri ini.

"Pencalonan bagi jawatan Naib Presiden serta ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno diserahkan kepada perwakilan setiap hahagian," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat Exco di Seri Negeri, Ayer Keroh, hari ini.

Mohd Ali, yang juga Ketua Umno bahagian Batu Bercndam, berkata bahagian itu akan mengadakan mesyuarat perwakilan 5 Mac ini.

Katanya, semua 7 1 cawangan Umno dalam bahagian Batu Berendam selesai mengadakan mesyuarat agung masing-masing.

Ketua Umno bahagian Kota Melaka, Datuk Amid Nordin, berkata bahagian itu akan hanya mencalonkan Dr Mahathir serta Abdullah sebagai Presiden serta Timbalan Presiden pada mesyuarat perwakilan 12 Mac ini.

Katanya, mesyuarat 45 cawangan dalam hahagian Kota Melaka berjalan lancar dengan cawangan terakhir hermesyuardt pada 26 Februari lalu.

Ketua Umno hahagian Alor Gajah, Datuk Abu Seman Yusop, berkata mesyuarat 6 1 cawangan dalam bahagian itu sudah pun dijalankan tanpa menghaddpi masalah.

"Mesyuarat perwakilan Umno bahagian Alor Gajah pada 12 Mac ini, akan turut mencalonkan Dr Mahathir serta Abdullah sebagai Presiden serta Timbalan Presiden parti," katanya.

Ketua Umno bahagian Selandar, Datuk Hamdin Abdollah, berkata bahagian itu akur dengan keputusan MT dan akan hanya mencalonkan Dr Mahathir serta Abdullah.

Katanya, pencalonan Dr Mahathir serta Abdullah akan diputuskan dalam mesyuarat perwakilan Umno bahagian 12 Mac ini.

Setiausaha Umno hahagian Jasin, Datuk Dolah Atan, berkata mesyuarat bahagian itu pada 19 Mac ini, akan juga mencalonkan hanya Dr Mahathir serta Abdullah.

Beliau juga berkata, 57 daripada 59 cawangan Umno dalam hahagian itu sudah pun selesai mengadakan mesyuarat agung masing-masing.

"Mesyuarat cawangan Tedong Pekan pula ditangguhkan manakala cawangan Chinchin Hulu pula ada bantahan dari segi keahlian.

"Kedudukan kedua-dua cawangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa hahagian nanti," katanya.